

D.R. 30/2008

**RANG UNDANG-UNDANG JAWATANKUASA
ETIKA HAKIM 2008**

SUSUNAN FASAL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

JAWATANKUASA ETIKA HAKIM

3. Penubuhan Jawatankuasa
4. Bidang kuasa Jawatankuasa
5. Keanggotaan Jawatankuasa
6. Anggota ganti
7. Prinsip dan tatacara
8. Prosiding secara tertutup
9. Siasatan
10. Penzahiran kepentingan
11. Mesyuarat Jawatankuasa
12. Kuorum
13. Penangguhan pendengaran di hadapan Jawatankuasa
14. Rekod dan minit prosiding
15. Keputusan Jawatankuasa

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk menubuhkan Jawatankuasa Etika Hakim dan untuk mengadakan peruntukan bagi fungsi dan kuasanya dan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Jawatankuasa Etika Hakim 2008.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“aduan” ertinya apa-apa aduan berkenaan dengan salah laku seseorang hakim;

“hakim” ertinya hakim Mahkamah Tinggi, hakim Mahkamah Rayuan dan hakim Mahkamah Persekutuan, dan termasuklah Pesuruhjaya Kehakiman;

“Jawatankuasa” ertinya Jawatankuasa Etika Hakim yang ditubuhkan di bawah seksyen 3;

“Kod Etika” ertinya Kod Etika Hakim 2008 [*P.U. (A)*/200.....];

“pelanggaran” ertinya pelanggaran mana-mana peruntukan Kod Etika;

“Pengerusi” ertinya Pengerusi Jawatankuasa yang dilantik di bawah seksyen 5.

BAHAGIAN II

JAWATANKUASA ETIKA HAKIM

Penubuhan Jawatankuasa

3. Hendaklah ditubuhkan suatu jawatankuasa dengan nama “Jawatankuasa Etika Hakim”.

Bidang kuasa Jawatankuasa

4. Jawatankuasa hendaklah mempunyai bidang kuasa dalam perkara yang berhubungan dengan tatakelakuan dan tata tertib semua hakim selain pemecatan seseorang hakim daripada jawatannya di bawah Fasal (3) Perkara 125 Perlembagaan Persekutuan.

Keanggotaan Jawatankuasa

5. (1) Jawatankuasa hendaklah dalam bilangan ganjil dan hendaklah terdiri daripada orang yang memegang jawatan atau yang pernah memegang jawatan sebagai Presiden Mahkamah Rayuan, Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya, Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak, hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Tinggi sebagaimana yang difikirkan patut oleh Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan untuk dilantik.

(2) Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan hendaklah menjadi Pengerusi Jawatankuasa, melainkan beliau merupakan pengadu, dalam hal tersebut, hakim kanan yang berikutnya hendaklah menjadi Pengerusi.

(3) Pelantikan anggota Jawatankuasa hendaklah atas dasar *ad hoc*.

(4) Walau apa pun mana-mana peruntukan Akta ini, anggota Jawatankuasa hendaklah terdiri daripada hakim yang kanan mengikut keutamaan kepada hakim yang menjadi subjek suatu prosiding tatatertib.

Anggota ganti

6. (1) Jika Pengerusi tidak dapat menghadiri prosiding tatatertib oleh sebab sakit atau kerana apa-apa sebab lain, hakim kanan yang berikutnya yang menganggotai Jawatankuasa itu hendaklah menjadi Pengerusi, dan Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan hendaklah melantik seorang hakim lain sebagai pengganti hakim kanan itu.

(2) Jika mana-mana anggota Jawatankuasa tidak dapat menghadiri prosiding tatatertib oleh sebab sakit atau kerana apa-apa sebab lain, Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan hendaklah melantik seorang hakim lain sebagai pengganti anggota itu.

(3) Anggota Jawatankuasa yang dilantik di bawah subseksyen (1) atau (2) hendaklah merupakan hakim yang kanan mengikut keutamaan kepada hakim yang menjadi subjek prosiding tatatertib itu.

Prinsip dan tatacara

7. Dalam menjalankan fungsinya di bawah Akta ini, Jawatankuasa hendaklah mematuhi prinsip dan tatacara yang dinyatakan dalam Akta ini dan Kod Etika.

Prosiding secara tertutup

8. Prosiding Jawatankuasa hendaklah secara tertutup.

Siasatan

9. (1) Prosiding Jawatankuasa bukanlah suatu perbicaraan tetapi suatu siasatan mengenai pelanggaran mana-mana peruntukan Kod Etika yang dilakukan oleh seseorang hakim yang dirujukkan kepadanya oleh Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan.

(2) Akta Keterangan 1950 [*Akta 56*] tidak terpakai bagi prosiding Jawatankuasa.

Penzahiran kepentingan

10. (1) Jika Pengerusi atau mana-mana anggota Jawatankuasa mempunyai apa-apa kepentingan langsung atau tidak langsung dalam mana-mana prosiding tatatertib, dia hendaklah menzahirkan kepada Jawatankuasa hakikat kepentingannya dan jenis kepentingan itu.

(2) Penzahiran di bawah subseksyen (1) hendaklah direkodkan dalam minit prosiding yang dalamnya penzahiran itu dibuat dan, selepas penzahiran itu, Pengerusi atau anggota itu tidak boleh mengambil bahagian dalam pertimbangan atau keputusan Jawatankuasa itu.

Mesyuarat Jawatankuasa

11. Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat pada tarikh dan di mana-mana tempat dan pada bila-bila masa sebagaimana yang ditentukan oleh Pengerusi.

Kuorum

12. Pengerusi dan tidak kurang daripada dua anggota Jawatankuasa hendaklah membentuk kuorum bagi tiap-tiap prosiding Jawatankuasa.

Penangguhan pendengaran di hadapan Jawatankuasa

13. (1) Jawatankuasa boleh menangguhkan pendengaran dari semasa ke semasa.

(2) Tiada notis penangguhan bertulis dikehendaki diberikan kepada mana-mana pihak apabila penangguhan itu dibuat dalam kehadiran pihak itu.

Rekod dan minit prosiding

14. Pengerusi hendaklah memastikan bahawa rekod dan minit prosiding Jawatankuasa disenggarakan dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya.

Keputusan Jawatankuasa

15. (1) Jika Jawatankuasa tidak sebulat suara dalam apa-apa soalan atau perkara yang hendak ditentukan, keputusan majoriti hendaklah disifatkan sebagai keputusan Jawatankuasa itu.

(2) Jawatankuasa hendaklah memastikan bahawa keputusannya dalam mana-mana prosiding tatatertib diberitahukan secara bertulis kepada hakim yang menjadi subjek prosiding tatatertib itu.

(3) Walau apa pun apa-apa peruntukan dalam mana-mana undang-undang bertulis lain, keputusan Jawatankuasa hendaklah muktamad dan konklusif dan tidak boleh dicabar, dirayukan, dikaji semula, dibatalkan atau dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah atas apa-apa alasan, dan tiada mahkamah boleh mempunyai bidang kuasa untuk melayan atau menentukan apa-apa guaman, permohonan, persoalan atau prosiding atas apa-apa alasan tentang kesahan keputusan sedemikian.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk menubuhkan Jawatankuasa Etika Hakim sebagaimana yang dimaksudkan oleh Fasal (3A) Perkara 125 Perlembagaan Persekutuan bagi menguruskan mana-mana hakim yang telah melakukan suatu pelanggaran mana-mana peruntukan Kod Etika Hakim 2008 [*P.U. (A)/200.....*], jika Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan berpendapat bahawa pelanggaran itu tidak mewajarkan hakim itu dirujuk kepada suatu tribunal yang dilantik di bawah Fasal (4) Perkara 125 Perlembagaan Persekutuan.

BAHAGIAN I

2. Bahagian I Rang Undang-Undang mengandungi perkara permulaan.
3. *Fasal 1* bertujuan untuk mengadakan peruntukan mengenai tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

4. *Fasal 2* mengandungi takrif beberapa ungkapan yang digunakan dalam Akta yang dicadangkan.

BAHAGIAN II

5. Bahagian II Rang Undang-Undang memperkatakan perkara-perkara yang berhubungan dengan Jawatankuasa Etika Hakim.

6. *Fasal 3* mengadakan peruntukan bagi penubuhan Jawatankuasa Etika Hakim.

7. *Fasal 4* memperkatakan bidang kuasa Jawatankuasa. Jawatankuasa hendaklah menguruskan perkara-perkara yang berhubungan dengan kelakuan dan tata tertib semua hakim selain pemecatan seseorang hakim daripada jawatan menurut *Fasal (3) Perkara 125 Perlembagaan Persekutuan*.

8. *Fasal 5* dan *6* memperkatakan keanggotaan Jawatankuasa dan pelantikan anggota ganti Jawatankuasa.

9. *Fasal 7* mengenakan kewajipan ke atas Jawatankuasa untuk mematuhi prinsip dan tatacara yang dinyatakan dalam Akta yang dicadangkan dan Kod Etika.

10. *Fasal 8* menghendaki prosiding Jawatankuasa dijalankan secara tertutup.

11. *Fasal 9* menyatakan dengan khusus bahawa prosiding Jawatankuasa hendaklah merupakan suatu siasatan atas rujukan yang dibuat oleh Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan dan bukannya suatu perbicaraan. Sedemikian halnya, maka kaedah-kaedah keterangan yang ketat di bawah Akta Keterangan 1950 [*Akta 56*] tidak terpakai dalam prosiding itu.

12. *Fasal 10* menghendaki mana-mana anggota Jawatankuasa menzahirkan kepentingannya dalam mana-mana prosiding tata tertib yang dikendalikan oleh Jawatankuasa itu dan dalam hal yang sedemikian, anggota tertentu itu dilarang mengambil bahagian dalam pertimbangan atau keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa itu.

13. *Fasal 11, 12, 13* dan *14* masing-masing memperkatakan mesyuarat Jawatankuasa, kuorumnya, penangguhan pendengaran di hadapan Jawatankuasa dan penyenggaraan rekod dan minit prosiding Jawatankuasa.

14. *Fasal 15* memperuntukkan bahawa jika suatu keputusan sebulat suara tidak dapat dicapai, keputusan majoriti hendaklah disifatkan sebagai keputusan Jawatankuasa. Keputusan Jawatankuasa itu adalah muktamad dan konklusif dan tidak boleh dicabar, dsb. dalam mana-mana mahkamah.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.